

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL
RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status Kolej Felcra Changkat Lada, jumlah pelajar sekarang dan perancangan untuk membina kampus tetap di Changkat Lada, Seberang Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kolej FELCRA telah ditubuhkan pada 25 Mei 2012 di bawah FELCRA Education Services Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh FELCRA BERHAD. Kolej FELCRA (kampus sementara) terletak di Bandar Baru Seberang Perak, Kampung Gajah, Perak Darul Ridzuan dan mempunyai keluasan 75,068 meter persegi.

Penubuhan Kolej FELCRA juga adalah untuk memberi peluang serta menyediakan tempat untuk anak-anak Warga FELCRA Berhad khususnya dan masyarakat Luar Bandar amnya untuk mendapatkan latihan dan kemahiran di peringkat Sijil dan Diploma supaya generasi kedua FELCRA Berhad akan lebih berdaya saing.

Kampus sementara yang terletak di Seberang Perak ini mampu menampung kapasiti pelajar seramai 800 orang. Namun, sehingga kini, enrolmen pelajar adalah seramai 350 orang.

FELCRA telah merancang untuk memajukan kawasan seluas 634,470 meter persegi untuk pembinaan kampus tetap Kolej Universiti FELCRA yang terletak di Seberang Perak dan dijangkakan perancangan ini dapat dicapai selewatnya pada tahun 2025 tertakluk kepada kajian kesesuaian dan kelestarian projek tersebut.

Sekian, terima kasih.